



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL 6/2024

PENGECCUALIAN DARIPADA MEMBAYAR DAN MENGENAKAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PERKHIDMATAN PENYENGGARAAN ATAU PEMBAIKAN BAGI AKTIVITI *MAINTENANCE, REPAIR AND OVERHAUL (MRO)*

1. Menteri Kewangan melalui kuasa yang diperuntukkan berdasarkan Seksyen 34(3)(a) dan 34 (4), Akta Cukai Perkhidmatan 2018 bersetuju memberi pengecualian daripada membayar dan mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penyenggaraan atau pembaikan bagi aktiviti *Maintenance, Repair And Overhaul (MRO)*.
2. Bagi tujuan pengecualian ini, aktiviti MRO merujuk kepada apa-apa aktiviti penyenggaraan, pembaikan dan baik pulih seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) di bawah Malaysian Aerospace Industry Blueprint 2030 bagi sektor aeroangkasa dan insentif Shipbuilding and Ship Repairing (SBSR) bagi sektor maritim.
3. Penerima perkhidmatan aktiviti MRO seperti berikut:
 - a) Syarikat penerbangan yang mempunyai Air Operator Certificate (AOC) yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM);
 - b) Syarikat perkapalan yang berdaftar dengan Jabatan Laut Malaysia;
 - c) Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri seperti Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia serta Jabatan Bomba dan Penyelamat; atau
 - d) Penerima perkhidmatan aktiviti MRO yang berada di luar negara,

diberi pengecualian daripada membayar cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan aktiviti MRO yang diterima daripada penyedia perkhidmatan yang dinyatakan diperenggan 4.

4. Penyedia perkhidmatan aktiviti MRO seperti berikut :
 - a) Approved Maintenance Organisation (AMO) yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM); atau
 - b) shipbuilding atau ship repairing yang diluluskan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)

diberi pengecualian daripada mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan aktiviti MRO yang dibekalkan kepada penerima perkhidmatan aktiviti MRO seperti di para 3, (a) hingga (d) di atas.

5. Bagi penerima perkhidmatan aktiviti MRO yang berada di luar negara, barang/ peralatan yang terlibat dengan aktiviti MRO yang dijalankan di Malaysia perlu dibawa keluar dari Malaysia tertakluk kepada syarat ditetapkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).
6. Apa-apa cukai perkhidmatan yang telah dikutip perlu diremit kepada JKDM dan tiada bayaran balik (refund) cukai perkhidmatan diluluskan kepada mana-mana pihak yang telah membayar cukai perkhidmatan ke atas apa-apa perkhidmatan aktiviti MRO yang dibekalkan mulai 1 Mac 2024.
7. Tarikh **kuatkuasa** pengecualian adalah mulai 1 Mac 2024 sehingga 31 Disember 2027

Penafian:

Dasar cukai perkhidmatan yang dikeluarkan ini adalah tertakluk kepada sebarang pindaan sekiranya terdapat apa-apa perubahan dasar yang berkaitan.

BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI
IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA, PUTRAJAYA